

▼27/08/22-47MST

CNS2943

R GB 27-08 00154 BC673

bah

PM PUASHATI USAHA BERSIHKAN PULAU PINANG

Mahathir - Bersih

GEORGETOWN, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati dengan usaha kerajaan negeri Pulau Pinang membersihkan dan mengindahkan negeri ini.

Katanya, usaha kerajaan negeri itu, selepas teguran beliau mengenai kekotoran di negeri ini, telah mula menampakkan hasil dan perubahan.

Perdana Menteri berkata beliau telah dapat melihat perubahan yang berlaku di negeri ini di mana jalan raya semakin bersih, gerai-gerai diberi penempatan semula dan usaha pengindahan juga sudah kelihatan dengan penanaman bunga dan pokok.

+Usaha bersungguh-sungguh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mengindahkan lagi negeri ini sememangnya indah harus diucapkan tahniah,+ katanya pada majlis makan malam bersama ketua-ketua jabatan dan pemimpin masyarakat di Bukit Jambul Country Club, i sini malam ini.

Beliau pernah menyifatkan negeri ini yang terkenal sebagai Pearl of the Orient sebagai Tong Sampah Timur. -- Lagi

▼27/08/23-41MST

CNS2944

R GB 27-08 00105 BC674

bah

Mahathir - Bersih 2 (Akhir) Pulau Pinang

Katanya, teguran dan kenyataan beliau dahulu dibuat tanpa berselindung selepas ditanya oleh para pemberita mengenai keadaan kekotoran di negeri ini

Bagaimanapun, katanya, beliau gembira dengan sikap kerajaan negeri Pulau Pinang yang telah menerima teguran itu sebagai satu cabaran dan hasilnya telah jelas dilihat pada hari ini.

Dr Mahathir yakin jika semua pihak boleh menerima dan bertindak kepada teguran seperti itu, hasilnya semua tempat di negara ini akan lebih bersih dan indah.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri, Dr Koh Tsu Koon.
-- Bernama

▼27/08/23-43MST